KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN

KAJIAN IMPAK PENGANJURAN MD JELI STATS NATURE HALF MARATHON 2026







MD JELI STATS NATURE Half Marathon 2026

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN KAJIAN IMPAK PENGANJURAN MD JELI *STATS NATURE HALF MARATHON*

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan "Data Nadi Ekonomi Rakyat". Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal *https://open.dosm.gov.my*

MyLabourHub ialah platform komprehensif yang mengintegrasikan institusi, data dan teknologi bagi menyediakan maklumat pasaran buruh yang relevan, tepat dan mudah diakses. Dapatkan data pasaran buruh Malaysia melalui MyLabourHub di *https://mylabourhub.dosm.gov.my*

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*
Jabatan Perangkaan Malaysia
Department of Statistics Malaysia
Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / Youtube : StatsMalaysia
E-mel / E-mail : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)

Diterbitkan pada Julai 2026 / *Published in July 2026*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau apa-apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Penulis menggunakan data yang tersedia sebagai rujukan untuk penghasilan penulisan. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following.

“Source : Department of Statistics Malaysia”

Kandungan

01	Latar Belakang	1
02	Destinasi Tumpuan	2
03	Pengenalan Kajian	5
04	Penemuan	6
	• Liputan Responden	6
	• Analisis Responden Individu	6
	• Analisis Responden Pengusaha Perniagaan	8
	• Tahap Kepuasan Penganjuran Program	8
05	Rencana • Impak Ekonomi Terhadap Penganjuran Jeli *Stats Nature Half Marathon* Berdasarkan Analisis Input-Output (I-O)	9
06	Statistik Setempat	16
07	Borang Soal Selidik	29


Penafian:

Analisis yang dipaparkan adalah berdasarkan kepada individu yang menyertai survei ini dan tidak mewakili pandangan seluruh peserta program ini. Ia harus ditafsir secara berhati-hati dan ia bukanlah statistik rasmi. Namun, ia boleh digunakan untuk menyokong dalam memberi gambaran tentang impak penganjuran program MD Jeli *Stats Nature Half Marathon* (MDJSNHM) 2026. DOSM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang isu yang berkaitan dengan penggunaan bahan yang ada di dalam laporan ini.

LATAR BELAKANG

Program MD Jeli *Stats Nature Half Marathon* (MDJSNHM) 2026 merupakan kesinambungan kepada penganjuran terdahulu yang telah dilaksanakan pada tahun 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan (DOSM Kelantan). Penganjuran kali ini merupakan usaha sama antara DOSM Kelantan dan Majlis Daerah Jeli, dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli, Persatuan Olahraga Amatur Kelantan, Majlis Sukan Negeri Kelantan serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan. Program ini diadakan pada 9 Mei 2026 bersempena Program *Road to* Hari Statistik Negara 2026.

Carta 1 : Bilangan Peserta Larian Mengikut Negeri Tempat Tinggal
(Jumlah peserta : 1,000 orang)



Penyertaan program ini adalah seramai 1,000 orang berbanding tahun 2022 yang mencatatkan seramai 1,588 orang.

INFO *PACK HALF MARATHON*



T-Shirt Peserta



T-Shirt Penamat 21 km

LOGO *HALF MARATHON*



Peta laluan larian 5 km



Peta laluan larian 10 km



Peta laluan larian 21 km

DESTINASI TUMPUAN

1. Lata Kashmir



Lata Kashmir terletak kira-kira 21 kilometer dari bandar Jeli dan merupakan antara destinasi rekreasi semula jadi yang terkenal di daerah tersebut. Lokasi ini mendapat namanya kerana panorama padang rumput dan persekitaran hijau yang mengingatkan pengunjung kepada landskap di Kashmir. Dengan ratusan ulasan positif, Lata Kashmir sering dianggap sebagai antara lokasi rekreasi paling popular di Jeli.



Keindahan kawasan ini terletak pada gabungan sungai semula jadi yang jernih dan berair sejuk, bukit-bukau menghijau serta landskap berbatu yang menawan. Persekitarannya yang nyaman menjadikannya lokasi sesuai untuk aktiviti mandi-manda, berkelah, perkhemahan dan *glamping.*



Keunikan Lata Kashmir turut terserlah melalui struktur empangan kecil yang mengawal aliran air, mewujudkan suasana tenang dengan bunyi deruan air yang berterusan. Gabungan elemen semula jadi dan kemudahan rekreasi ini menjadikannya destinasi pilihan untuk bersantai, berfotografi dan menghasilkan kandungan media sosial.

Faktor akses yang mudah, kebersihan kawasan dan keindahan persekitaran terus menarik kunjungan pelancong dari dalam dan luar daerah.

Sumber oleh https://kgkalai.nadi.my/lata-kashmir-jeli-kelantan/

2. Lata Renyuk

Lata Renyuk terletak kira-kira 14 kilometer dari bandar Jeli dan merupakan antara destinasi rekreasi alam semula jadi yang terkenal di daerah ini. Air terjun yang terletak di Kampung Renyuk ini menawarkan keindahan alam yang masih terpelihara, dengan aliran air jernih serta suasana hutan yang tenang dan menghijau.

Keistimewaan Lata Renyuk turut terletak pada sumber airnya yang berasal dari Banjaran Titiwangsa sebelum mengalir ke Sungai Pergau dan Sungai Renyuk. Kawasan ini mudah diakses melalui laluan Jeli–Jelawang–Gua Musang atau jalan menuju Kuala Balah. Selain itu, sebuah mini hidroelektrik di kawasan ini membekalkan tenaga elektrik kepada perkampungan Orang Asli berhampiran.



Bagi keselesaan pengunjung, pelbagai kemudahan telah disediakan termasuk dewan serbaguna, surau, tandas dan tapak perkhemahan yang diselenggara dengan baik. Kawasan ini juga dilengkapi kolam renang yang menakung air terjun, menjadikannya lokasi yang sesuai untuk aktiviti riadah keluarga dan kanak-kanak.

DESTINASI TUMPUAN



Gabungan keindahan air terjun, persekitaran yang nyaman serta kemudahan yang lengkap menjadikan Lata Renyuk antara tarikan rekreasi alam semula jadi yang popular di Jeli.

Sumber oleh https://www.sinarharian.com.my/article/730402/edisi/kelantan/air-terjun-lata-renyuk-permata-tersembunyi-jeli

3. Lalang's Resort and Spa

Terletak kira-kira 9 kilometer dari bandar Jeli dan 4 kilometer dari jalan utama Kampung Gemang, resort ini mudah diakses melalui laluan masuk yang terletak bertentangan dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Jeli. Berkonsepkan ekopelancongan, resort ini dikelilingi keindahan alam semula jadi termasuk Lata Keding dan Bukit Kudung, menawarkan suasana yang tenang dan menyegarkan.






Resort ini dilengkapi pelbagai kemudahan seperti dewan, kolam renang, restoran, surau dan sungai semula jadi. Pengunjung juga berpeluang menikmati pelbagai aktiviti rekreasi seperti pendakian bukit, perkhemahan, mandi-manda di air terjun serta aktiviti riadah bersama keluarga. Selain perkhidmatan penginapan, resort ini turut menawarkan pakej lawatan ke lokasi-lokasi menarik di sekitar Jeli pada harga yang berpatutan, sekali gus memberikan pengalaman pelancongan alam semula jadi yang lebih menyeluruh kepada pengunjung.

Sumber oleh https://lalangs.com/

4. Lata Mawo @ Air Terjun Dilwale



Terletak kira-kira 23 kilometer dari bandar Jeli, Air Terjun Mawo atau Air Terjun Dilwale terkenal dengan keindahan air terjun berkembar serta persekitaran hutan yang masih terpelihara. Kawasan ini juga menjadi lokasi penanaman pokok dan penyelidikan oleh FRIM Jeli. Pengunjung boleh ke destinasi ini menggunakan perkhidmatan kenderaan pacuan empat roda yang melalui laluan balak, denai berbukit serta beberapa aliran sungai cetek. Bagi kenderaan persendirian, kebenaran daripada pihak pengurusan perlu diperoleh terlebih dahulu sebelum memasuki kawasan tersebut.

Sumber oleh
https://mdjeli.kelantan.gov.my/index.php/pelawat/destinasi-menarik-jeli/lata-mawo-batu-melintang-jeli

DESTINASI TUMPUAN

5. Bukit Salor

Bukit Salor terletak kira-kira 12 km dari pusat bandar Jeli, dikenali sebagai destinasi pilihan untuk menikmati keindahan alam semula jadi dan pengalaman ekopelancongan. Mempunyai ketinggian sekitar 300 meter dari kaki bukit dan pengunjung perlu mendaki antara 30 hingga 45 minit untuk tiba di puncak.





Dari puncaknya, pengunjung dapat menyaksikan panorama memukau hutan tropika dan suasana desa yang tenang, menjadikannya lokasi ideal untuk aktiviti mendaki, fotografi dan rekreasi. Kawasan ini terkenal dengan kekayaan biodiversiti yang menjadi habitat pelbagai spesies flora dan fauna termasuk tumbuhan herba yang jarang ditemui. Kepulan awan di puncak bukit terutama waktu pagi adalah sangat cantik. Selain itu, panorama di Bukit Salor turut disajikan dengan keindahan pemandangan kampung dan Gunung Reng yang menjadi ikon di kawasan itu.



Bagi memudahkan akses dan pengalaman pengunjung, pihak berkuasa telah menyediakan laluan mendaki yang selamat serta kemudahan seperti tempat rehat dan kawasan letak kenderaan.

Penduduk setempat juga mendapat manfaat daripada peningkatan pelancong yang datang melalui penjualan makanan dan produk tempatan. Keindahan semula jadi dan potensi besar yang dimiliki Bukit Salor berpotensi menjadi antara destinasi pelancongan utama di Kelantan.

Sumber oleh
https://malaysiaaktif.my/2025/01/bukit-salor-destinasi-eko-pelancongan-jeli/

PENGENALAN KAJIAN

PENGENALAN

Jabatan Perangkaan Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan ***quick survey*** berkaitan **Impak Penganjuran MD Jeli *Stats Nature Half Marathon* 2026** kepada ekonomi setempat yang telah diadakan pada 8 dan 9 Mei 2026.

OBJEKTIF

i. Mengukur kesan penganjuran MD Jeli *Stats Nature Half Marathon* 2026 kepada ekonomi setempat.

ii. Menyediakan maklumat berkaitan profil dan perbelanjaan peserta dan pengunjung program MD Jeli *Stats Nature Half Marathon* 2026.

PENSAMPELAN

i. Populasi sasaran bagi survei ini adalah:

   a. **Individu** yang menyertai MD Jeli *Stats Nature Half Marathon* 2026 dan pengunjung program; dan

   b. **Pengusaha perniagaan** (kedai makan/restoran, penginapan, pengangkutan, stesen minyak, farmasi/klinik/perubatan tradisional, kedai runcit/serbaneka, kedai dobi, kedai pakaian/kasut, katering, penjaja, hiburan & rekreasi dan lain-lain perkhidmatan).

ii. Survei ini menggunakan pendekatan ***convenience sampling*** iaitu salah satu kaedah dalam ***Non-Probability Sampling***.

iii. Sampel yang diperlukan adalah sekurang-kurangnya **130 individu** dan **70 pengusaha perniagaan**.

PENEMUAN

Penemuan kajian ini merangkumi analisis terhadap peserta larian dan pengunjung program serta pengusaha perniagaan yang terlibat sepanjang penganjuran MD Jeli *Stats Nature Half Marathon* 2026. Kajian ini bertujuan menilai profil demografi responden, tahap kepuasan terhadap penganjuran program serta impak ekonomi yang terhasil daripada program tersebut.

A. LIPUTAN RESPONDEN

Seramai 241 orang responden telah menyertai kajian ini. Daripada keseluruhan responden, 152 orang atau 63.1 peratus terdiri daripada peserta larian dan pengunjung manakala 89 orang (36.9%) merupakan pengusaha perniagaan, sekali gus membolehkan penilaian impak program dibuat daripada perspektif kedua-dua kumpulan sasaran utama. **(Paparan 1)**

Paparan 1: Liputan Responden Mengikut Kumpulan Sasaran




B. ANALISIS RESPONDEN INDIVIDU

Responden Mengikut Jantina

Seramai 152 orang peserta larian dan pengunjung yang menyertai kajian impak ini. Responden adalah terdiri daripada individu perempuan mewakili 50.7 peratus (77 orang) dan lelaki sebanyak 49.3 peratus (75 orang).


Carta 1: Bil. Responden Mengikut Jantina



Responden Mengikut Kumpulan Umur

Kumpulan umur 35 hingga 44 tahun merupakan kategori umur yang mencatatkan bilangan responden tertinggi, iaitu seramai 60 orang (39.5%). Corak yang sama turut diperhatikan bagi kedua-dua jantina. Sebaliknya, kumpulan umur 18 hingga 24 tahun merekodkan bilangan responden terendah, iaitu seramai 8 orang (5.3%).


Carta 2: Bil. Responden Mengikut Kumpulan Umur



Responden Mengikut Negeri Tempat Tinggal

Sebahagian besar responden berasal dari negeri Kelantan, iaitu 76.4 peratus, diikuti oleh Terengganu (10.8%) dan Pahang (8.7%). Selebihnya berasal dari negeri-negeri lain, iaitu sebanyak 4.1 peratus (**Paparan 2**).


Paparan 2: Responden Mengikut Negeri Tempat Tinggal



Perbelanjaan Responden

Jumlah keseluruhan perbelanjaan meningkat daripada RM48,441.10 (sebelum) kepada RM62,650.60 (semasa), iaitu peningkatan sebanyak RM14,209.50 (29.3 peratus). Bagi jumlah perbelanjaan responden semasa, penginapan merupakan kategori perbelanjaan tertinggi dengan jumlah RM14,189.00, diikuti oleh pengangkutan sebanyak RM11,281.00 dan makan & minum sebanyak RM11,085.00. Seterusnya, membeli-belah mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM8,466.00, diikuti oleh minyak petrol sebanyak RM8,348.00. Perbelanjaan bagi yuran penyertaan berjumlah RM5,153.60, manakala lain-lain mencatatkan RM2,160.00. Kategori tajaan merekodkan jumlah perbelanjaan semasa yang paling rendah, iaitu sebanyak RM1,968.00.

Carta 3: Perbelanjaan Semasa Mengikut Jenis Perbelanjaan



Nota: Perbelanjaan sebelum merujuk kepada perbelanjaan seminggu sebelum program

C. ANALISIS PENGUSAHA PERNIAGAAN

Kajian impak ini melibatkan seramai 89 orang pengusaha perniagaan. Secara keseluruhan, jumlah pendapatan per hari merekodkan peningkatan daripada RM105,549 sebelum program kepada RM132,020 semasa/selepas program iaitu pertambahan sebanyak 25.1 peratus. Median pendapatan turut meningkat daripada RM500 kepada RM800, manakala purata pendapatan meningkat daripada RM1,186 kepada RM1,483. Stesen minyak, kedai makan/restoran dan kedai runcit pula merekodkan anggaran pendapatan selepas jualan yang tertinggi semasa program berlangsung. **(Paparan 3)**

Paparan 3: Anggaran Pendapatan Pengusaha Perniagaan Mengikut Tempoh Program

Anggaran Pendapatan Sebelum Program per Hari
RM105,549

RM26,471 | 25.1%

Median Anggaran Pendapatan Sebelum Program
RM500

RM300 | 60.0%

Purata Pendapatan Sebelum Program
RM1,186

RM297 | 25.1%

Anggaran Pendapatan Semasa/Selepas Program per Hari
RM132,020

Median Anggaran Pendapatan Semasa/Selepas Program
RM800

Purata Pendapatan Semasa/Selepas Program
RM1,483

Nota: Pendapatan sebelum program sebelum merujuk kepada pendapatan diterima seminggu sebelum program

D. TAHAP KEPUASAN PENGANJURAN PROGRAM

Tahap kepuasan responden yang melibatkan 241 orang terhadap penganjuran MD Jeli *Stats Nature Half Marathon* 2026 adalah sangat tinggi dengan 90.9 peratus responden menyatakan berpuas hati terhadap program yang dilaksanakan. Responden yang tidak berpuas hati pula terdiri daripada 5 orang peserta larian dan 1 orang pengusaha perniagaan iaitu sebanyak 2.5 peratus. Sementara itu, 91.3 peratus responden berpandangan bahawa program ini memberikan impak positif kepada ekonomi setempat. Dapatan ini menunjukkan bahawa program berjaya mencapai objektif penganjuran serta memberi manfaat kepada komuniti setempat. **(Paparan 4)**

Paparan 4: Tahap Kepuasan Responden Terhadap Penganjuran Program

90.9%
Responden Berpuas Hati



Adakah anda berpuas hati dengan penganjuran program ini?

90.9%
Berpuas Hati

6.6%
Tidak Pasti

2.5%
Tidak Berpuas Hati

Adakah penganjuran program ini memberi impak kepada ekonomi setempat ?

91.3%
Ya

7.9%
Tidak Pasti

0.8%
Tidak

RENCANA

Impak Ekonomi Terhadap Penganjuran MD Jeli *Stats Nature Half Marathon* Berdasarkan Analisis Input-Output (I-O)

Rusnani binti Hussin @ Isa,
Bahagian Metodologi dan Penyelidikan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengenalan

Penganjuran acara khas merupakan salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi tempatan kerana berupaya menarik kemasukan pelawat ke sesuatu destinasi, sekali gus meningkatkan suntikan perbelanjaan baharu (*new money injection)* ke dalam ekonomi setempat. Perbelanjaan yang dilakukan oleh pelawat terhadap penginapan, makanan & minuman, pengangkutan, peruncitan, rekreasi serta perkhidmatan lain akan merangsang permintaan akhir dan menjana limpahan ekonomi kepada pelbagai sektor. Keadaan ini seterusnya menghasilkan kesan pengganda ekonomi (*economic multiplier effect*) melalui peningkatan pendapatan isi rumah, keuntungan perniagaan, peluang pekerjaan dan hasil cukai kerajaan tempatan.

Bagi acara yang berasaskan komuniti, manfaat ekonomi bukan sahaja tertumpu kepada sektor pelancongan, malah turut merangsang aktiviti dalam rantaian bekalan tempatan (*local supply chain*) melalui peningkatan permintaan terhadap input, produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh perusahaan tempatan. Hubungan antara sektor ini mewujudkan kesan langsung (*direct effects*) dan kesan tidak langsung (*indirect effects*) yang menyumbang kepada peningkatan nilai tambah dan keluaran ekonomi kawasan.

Kajian menilai impak ekonomi *Kaustinen Folk Music Festival* di Finland (Andersson and Lundberg, 2013; Thomas, Holt, and Sant, 2015), menggunakan kaedah analisis Input-Output. Hasil kajian menunjukkan bahawa festival tersebut menjana impak output ekonomi serta meningkatkan hasil cukai wilayah Selain, menyumbang kepada peningkatan pendapatan melalui subsidi kerajaan dan kesan langsung serta tidak langsung daripada perbelanjaan pengunjung merentas pelbagai sektor ekonomi. Kajian ini turut menegaskan bahawa kaedah Input-Output merupakan pendekatan yang sesuai untuk mengukur impak ekonomi acara pelancongan dan kebudayaan di peringkat tempatan, serta dapat menyediakan maklumat yang berguna dalam penggubalan dasar pembangunan wilayah.

Perbelanjaan pelancong menyumbang kepada aliran masuk wang baharu ke dalam ekonomi tempatan melalui pembelian barangan dan perkhidmatan (Kim & Miller, 2014). Selain itu, acara seperti pameran ini juga menarik kemasukan wang dari luar melalui pengunjung, media, vendor, dan pelabur luar kawasan (Crompton & Lee, 2000), dan semakin tinggi perbelanjaan pengunjung luar, semakin besar manfaat ekonomi kepada kawasan tersebut. Impak ekonomi ini lazimnya tersebar ke pelbagai sektor ekonomi tempatan melalui kesan langsung, tidak langsung, dan teraruh (*direct, indirect, and induced effects*), bergantung kepada corak perbelanjaan pengunjung luar bandar.

Kajian sorotan sistematik (Alexandro Andrade Daniela Federici, 2024) mendapati acara sukan berskala kecil dan sederhana memberikan impak sosioekonomi yang signifikan kepada peserta, bandar dan komuniti tempatan. Impak tersebut dipengaruhi oleh kategori pengunjung, lokasi acara, ciri peserta, corak perbelanjaan pelawat dan sokongan komuniti. Kajian ini turut mengenal pasti tema utama seperti impak ekonomi, faktor yang mempengaruhi perbelanjaan, impak sosial dan imej destinasi, sekali gus menyediakan bukti yang berguna untuk pembangunan dasar berkaitan penganjuran acara sukan.

Dalam konteks kajian ini, penganjuran acara di Jeli telah menarik kehadiran pelawat dari luar daerah, sekali gus membawa aliran masuk perbelanjaan baharu yang tidak akan berlaku sekiranya acara tersebut tidak dianjurkan.

Kemasukan pelawat ini berpotensi meningkatkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan tempatan, memperkukuh aktiviti perniagaan, meningkatkan pendapatan komuniti setempat serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi daerah Jeli secara keseluruhannya.

Dalam hal ini, kajian ini bertujuan untuk menganggar kesan ekonomi yang terhasil daripada perbelanjaan pelawat yang menghadiri MD Jeli *Stats Nature Run Half Marathon* terhadap ekonomi daerah Jeli. Perbelanjaan pelawat dianalisis sebagai suntikan ekonomi yang berpotensi menjana kesan pengganda melalui peningkatan output, pendapatan, nilai tambah dan peluang pekerjaan dalam ekonomi tempatan.

Metodologi

Bagi menganggarkan impak ekonomi Penganjuran MD Jeli *Stats Nature Run Half Marathon*, satu soal selidik telah dibangunkan bagi mengumpulkan maklumat berkaitan corak dan jumlah perbelanjaan peserta serta pelawat sepanjang tempoh penganjuran acara. Data perbelanjaan ini digunakan sebagai komponen permintaan akhir (*final demand)* yang menjadi input utama dalam penganggaran impak ekonomi.

Analisis Input-Output (I-O) digunakan bagi menganggarkan kesan ekonomi yang dijana hasil daripada peningkatan permintaan akhir yang disumbangkan oleh perbelanjaan peserta dan pelawat. Model Input-Output merupakan kaedah yang mengukur hubungan saling bergantung antara sektor-sektor ekonomi, sekali gus membolehkan penganggaran impak terhadap output, nilai ditambah dan aktiviti ekonomi yang terhasil daripada sesuatu suntikan perbelanjaan.

Penganggaran impak ekonomi dilaksanakan menggunakan pengganda output (*Leontief Inverse*) yang mengukur perubahan dalam jumlah output ekonomi akibat peningkatan satu unit permintaan akhir. Dalam kajian ini, pengganda output bagi daerah Jeli dibangunkan berdasarkan struktur industri pertubuhan yang beroperasi, berpandukan sumber *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR) bagi aktiviti ekonomi di daerah Jeli, dengan mengaplikasikan nisbah Input-Output mengikut aktiviti ekonomi di negeri Kelantan. Pendekatan ini membolehkan hubungan antara industri di daerah Jeli dianggarkan secara lebih realistik berasaskan struktur ekonomi setempat.

Kesan ekonomi yang dihasilkan melalui model Input-Output merangkumi kesan langsung (*direct effects*) dan kesan tidak langsung (*indirect effects*). Kesan langsung merujuk kepada peningkatan output dalam sektor yang menerima perbelanjaan pelawat secara terus, apabila pengeluar meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi pertambahan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan. Sebaliknya, kesan tidak langsung berlaku apabila sektor-sektor yang menerima permintaan langsung meningkatkan pembelian input daripada sektor pembekal bagi menyokong pertambahan pengeluaran. Keadaan ini mewujudkan kesan limpahan ekonomi (*economic spillover effects*) melalui rantaian bekalan tempatan, sekali gus merangsang aktiviti ekonomi dalam sektor-sektor lain.

Dalam konteks kajian ini, impak ekonomi langsung dijana melalui perbelanjaan pelawat terhadap pelbagai kategori seperti penginapan, makanan dan minuman, peruncitan, pengangkutan, rekreasi serta perkhidmatan lain sepanjang tempoh penganjuran MD Jeli *Stats Nature Run Half Marathon*. Peningkatan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan ini seterusnya merangsang pengeluaran sektor berkaitan dan menyumbang kepada peningkatan output serta nilai ditambah dalam ekonomi daerah Jeli. Melalui hubungan antara industri yang diwakili dalam model Input-Output, suntikan perbelanjaan tersebut turut menghasilkan kesan limpahan kepada sektor pembekal, sekali gus memperkukuh aktiviti ekonomi tempatan secara keseluruhannya.

Perbelanjaan Peserta dan Pelawat

Kategori perbelanjaan peserta dan pelawat dalam kajian ini merangkumi beberapa komponen utama, iaitu Perdagangan borong dan runcit, yang melibatkan pembelian bahan api (petrol), barangan keperluan diri serta aktiviti membeli-belah; Penginapan; Makanan dan Minuman, termasuk perbelanjaan di restoran, kedai makan dan gerai; Pengangkutan yang meliputi penggunaan bas, teksi dan perkhidmatan *e-hailing*; Kesenian, hiburan dan rekreasi, seperti bayaran masuk ke tempat pelancongan dan kawasan rekreasi (contohnya air terjun) serta bayaran penyertaan acara larian; dan Perkhidmatan Lain yang berkaitan dengan keperluan peserta dan pelawat sepanjang tempoh penganjuran acara.

Jumlah keseluruhan perbelanjaan yang direkodkan sepanjang penganjuran acara ini adalah sebanyak RM690.0 ribu. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan tertinggi adalah dalam kategori Perdagangan borong dan runcit sebanyak RM181.1 ribu atau 26.2 peratus, diikuti oleh Penginapan sebanyak RM141.5 ribu (20.5%) dan Pengangkutan sebanyak RM136.7 ribu (19.8%). Berdasarkan survei yang dijalankan, purata perbelanjaan keseluruhan seorang pelawat dianggarkan sebanyak RM412.20 yang mencerminkan tahap perbelanjaan langsung (*direct expenditure*) yang dijana oleh kehadiran pelawat semasa acara berlangsung

Jadual 1: Perbelanjaan Pelawat dan Peratus Sumbangan Mengikut Aktiviti

Aktiviti	Jumlah Perbelanjaan Pelawat (RM'000)			Peratus Sumbangan (%)		
	Tempatan	Negeri Lain	Jumlah	Tempatan	Negeri Lain	Jumlah
Perdagangan borong & runcit	108.0	73.1	**181.1**	27.1	25.0	**26.3**
Penginapan	80.0	61.5	**141.5**	20.1	21.1	**20.5**
Makanan dan minuman	58.4	52.6	**111.0**	14.7	18.0	**16.1**
Pengangkutan	73.8	62.9	**136.7**	18.5	21.6	**19.8**
Kesenian, hiburan dan rekreasi	59.4	33.3	**92.7**	14.9	11.4	**13.4**
Perkhidmatan Lain	18.5	8.6	**27.1**	4.7	2.9	**3.9**
Jumlah	**398.0**	**291.9**	**690.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

Perbelanjaan Pelawat Tempatan

Pelawat tempatan terdiri daripada pelawat daripada daerah Jeli dan dari daerah lain di Kelantan. Berdasarkan dapatan survei, jumlah perbelanjaan pelawat penduduk tempatan dianggarkan sebanyak RM398.0 ribu. Perdagangan borong dan runcit merekodkan nilai tertinggi iaitu RM108.0 ribu (27.1%), diikuti oleh Penginapan sebanyak RM80.0 ribu (20.1%), Pengangkutan sebanyak RM73.8 ribu (18.5%) dan Kesenian hiburan dan rekreasi sebanyak 14.9 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan.

Perbelanjaan Pelawat Negeri Lain

Manakala, perbelanjaan pelawat dari negeri lain (*inbound*) direkodkan berjumlah RM291.9 ribu yang disokong oleh aktiviti Perdagangan borong dan runcit sebanyak RM73.1 ribu (25.0%), diikuti oleh aktiviti Pengangkutan RM62.9 ribu (21.6%), Penginapan RM61.5 ribu (21.1%) dan aktiviti Makanan dan minuman RM52.6 ribu (18.0%).

Jadual 2: Perbelanjaan Pelawat dan Peratus Sumbangan Mengikut Lokaliti

Aktiviti	Jumlah Perbelanjaan Pelawat (RM'000)			Peratus Sumbangan (%)		
	Tempatan	Negeri Lain	Jumlah	Tempatan	Negeri Lain	Jumlah
Perdagangan borong & runcit	108.0	73.1	181.1	59.6	40.4	100.0
Penginapan	80.0	61.5	141.5	56.5	43.5	100.0
Makanan dan minuman	58.4	52.6	111.0	52.6	47.4	100.0
Pengangkutan	73.8	62.9	136.7	54.0	46.0	100.0
Kesenian, hiburan dan rekreasi	59.4	33.3	92.7	64.1	35.9	100.0
Perkhidmatan Lain	18.5	8.6	27.1	68.3	31.7	100.0
Jumlah	**398.0**	**291.9**	**690.0**	**57.7**	**42.3**	**100.0**

Impak kepada Nilai Output

Penganjuran acara MD Jeli *Stats Nature Run Half Marathon* ini memberikan impak kepada ekonomi tempatan. Perbelanjaan pelawat semasa program ini yang bernilai RM690.0 ribu dijangka dapat menjana nilai output sebanyak RM1,289.3 ribu kepada jumlah ekonomi di daerah Jeli. Berdasarkan nilai tersebut, kesan langsung (*direct effect*) daripada perbelanjaan adalah sebanyak RM757.4 ribu manakala kesan tidak langsung (*indirect effect*) kepada aktiviti lain bernilai RM531.9 ribu.

Aktiviti Perdagangan borong dan runcit merupakan penyumbang output tertinggi hasil perbelanjaan pelawat semasa penganjuran MD Jeli *Stats Nature Run Half Marathon*, dengan jumlah output dianggarkan sebanyak RM319.6 ribu. Daripada jumlah tersebut, RM213.4 ribu merupakan kesan langsung yang diterima oleh aktiviti perdagangan borong dan runcit. Peningkatan permintaan dalam aktiviti ini turut mewujudkan kesan tidak langsung sebanyak RM106.2 ribu kepada aktiviti ekonomi lain yang berkaitan, terutamanya Perkhidmatan lain, termasuk bekalan elektrik dan gas serta perkhidmatan Telekomunikasi.

